

**PROGRAM PROFESIONAL PENTADBIRAN AWAM NEGERI PAHANG  
(KATEGORI KENAIKAN PANGKAT) FASA 2**

**KUANTAN, 14 DISEMBER 2022** – Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Pahang Corporate Management Services Sdn. Bhd. (PCMS) telah melaksanakan Program Profesional Pentadbiran Awam Negeri Pahang (Kategori Kenaikan Pangkat) Fasa 2 pada 12 hingga 14 Disember 2022 bertempat di Kosma Business Hotel, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Program ini terbahagi kepada tiga (3) fasa utama yang melibatkan seramai 18 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai Gred 41 ke atas lantikan tetap Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkunun Negeri (BBN) yang diluluskan pemangkuan tahun 2021 dan tahun 2022 namun belum diluluskan pengesahan kenaikan pangkat hakiki oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

Program ini bertujuan untuk melengkapkan diri pegawai dengan keupayaan dalam membuat keputusan strategik yang boleh memacu transformasi Perkhidmatan Awam dan dijadikan sebagai syarat tambahan untuk pengesahan kenaikan pangkat. Syarat tambahan ini tertakluk kepada kenaikan pangkat secara hakiki sahaja dan tidak terpakai kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bersiswazah bawah Kerajaan Negeri yang terlibat dengan *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK).

Kerajaan Negeri Pahang komited untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dan cekap dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang saham (*stakeholders*) disamping meningkatkan kecekapan dan hasil kepada Kerajaan Negeri. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang sentiasa komited dalam memastikan pembangunan modal insan secara berterusan dalam kalangan penjawat awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang dengan penganjuran program seperti ini dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1<sup>st</sup>**

**#KerajaanNegeriPahang**

**#PahangGo**

Oleh : Kasmawati binti Ab Ghani

Foto : Pahang Corporate Management Services Sdn Bhd (PCMS)



